

# DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA    BIODATA    ANUGERAH    PUISI    ANEKDOT    BUKU    GAGASAN DAN TEORI    MEMOIR    HUBUNG KAMI

May 31, 2014

## Fenomena Bangi-UKM

-->

BBB, 01 Sya'ban 1435 = 30 Mei 2014 (Jumaat):

Sejak tercetusnya berita (Januari 1972) bahawa Bangi menjadi pilihan bagi kampus tetap UKM, maka berlaku apa yang Penulis sifatkan sebagai 'Fenomena Bangi'. Bermaksud berlaku kejutan, persediaan, tindakan, perubahan dan penyesuaian bagi merealisasikan Kampus UKM berkenaan serta kesan kepada warga kampus UKM dan masyarakat di Kajang dan Bangi.



Tanah yang diperuntukkan kepada UKM sebanyak 2,300 ekar tidak seluruhnya hutan asal yang tidak diteroka. Terdapat kumpulan Orang Asli yang tinggal di bahagian utama Kampus UKM, manakala terdapat pula orang-orang Melayu yang tinggal di tepian jalan dari bahagian berdekatan dengan Hentian Keretapi Sungai Tangkas (kini UKM) memanjang tepi jalan hingga selekoh ke Jalan Dengkel yang dari Sungai Tangkas hingga ke sini (kiri) termasuk di bawah kawasan Kampus UKM. Melalui rundingan dan pampasan Orang Asli bersetuju berpindah ke kaki Bukit Tunggal (kini Bukit Unggul), manakala bagi orang-orang Melayu diberi pampasan dan lot tanah di Sungai Tangkas. Sebahagian daripada mereka diganti dengan tanah dan pampasan di Kg. Baharu, Pekan Bangi.




Sementara itu kerja-kerja tanah yang berlangsung mulai tahun 1973 itu menimbulkan kekocahan. Untuk membangun kampus dan mendirikan bangunan terpaksa dibersihkan bagi tapak-tapak bangunan. Sebenarnya selepas pengumuman Bangi sebagai Kampus UKM, ramai yang datang melihat dan meninjau. Melihat kepada kawasan dibersihkan, timbul tuduhan terhadap orang politik berkuasa di negeri Selangor

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 5 9 1 8

2

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR




~PERSURATAN SUFI~




~MEREALISASI BANGI BANDAR ILMU~

sebagai mengambil kesempatan mengeluarkan balak-balak sebagai habuan. Perkara ini menjadi isu kepada Persatuan mahasiswa UKM (PMUKM) yang turut datang melawat dan mendapati banyak balak-balak dikeluarkan. Ini menyebabkan pihak PMUKM menganjurkan demonstrasi terhadap yang mengambil kesempatan. PMUKM mau keaslian kampus dipelihara dan tidak memotong pokok-pokok sembarangan, kecuali jika perlu. Isu ini berlarutan hingga terjadi tuduhan dan ketegangan dengan orang-orang politik peringkat negeri.




~TEORI TAKMILAH~

Dari satu segi timbul kesedaran di kalangan tenaga-tenaga pengajar dan pekerja di UKM dan orang perseorangan luar dari UKM mencari peluang mendapatkan tanah (membeli) sebanyak mungkin di sekitar Teras Jernang, Sungai Merab, Sungai Ramal Luar dan Dalam dan juga Bangi yang harga tanah pada masa itu relatifnya masih murah. Ironinya kesedaran yang sepatutnya timbul dari pensyarah-pensyarah Ekonomi yang merupakan jabatan di bawah Fakulti Sastera UKM, tetapi tidak berlaku, sebaliknya pensyarah-pensyarah dari Fakulti Islam UKM yang banyak membeli tanah baik secara kelompok atau berseorangan di tempat-tempat yang disebutkan. Mereka menjadikan kawasan yang mereka beli sebagai kawasan kediaman kelompok dari kawan-kawan terdekat dalam satu fakulti, terutama Fakulti Islam. Beberapa daripada mereka menjadi penjual-penjual tanah kepada – terutama kawan-kawan terdekat atau sama seuniversiti, maka ramailah yang mendapat peluang memiliki tanah. Tetapi ada juga yang menghadapi masalah, kerana urusan jual beli dan pemilikan tanah berlarutan dan tidak dapat diselesaikan, bahkan hingga kini. Selain dari itu pihak bersendirian juga berusaha mendapat tanah untuk tempat kediaman, antaranya dari pemilik-pemilik asal di kampung-kampung atau membeli tanah dari mereka yang mendapat pampasan tanah kerana berpindah seperti di Sungai Tangkas, Kampung Baharu dan sebagainya. Lantaran itu demografi kependudukan di kampung-kampung berdekatan di Kajang, Bangi dan berdekatan UKM bukan lagi orang asal, tetapi didiami kepelbagaiaan penduduk dan berbagai negeri dan tempat.



~PUNCAK RINDU~  
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie  
Abu Bakar

Selain daripada itu ada kedapatan pengusaha secara individu 'Berniaga Tanah', iaitu dengan membeli tanah-tanah di kawasan sekitar Kajang dan Bangi, termasuk Sungai Ramal Luar dan Dalam juga Sungai Merab. Mereka ini pergi ke kampus UKM, Jalan Pantai sebelum berpindah lagi menemui tenaga-tenaga pengajar dan pekerja di fakulti-fakulti dan jabatan-jabatan menawarkan pembelian tanah yang dijanjikan akan dipecah menjadi lot-lot. Satu lot seluas suku ekar di kawasan-kawasan di atas sehingga lebih kurang RM5,000 sahaja. Nilai pada pertengahan 1970an. Memang peluang untuk beli tanah banyak, tetapi kebanyakan mereka yang ditawarkan pembelian kurang yakin, apakah tanah-tanah yang dijanjikan untuk dipecah lot secara individu akan berjaya. Mungkin mereka mampu untuk membeli, tetapi dihantui oleh kebimbangan berkenaan. Ada yang membeli secara tawakkal sahaja. Memang ada yang berjaya, yakni licin urusan, tetapi ada yang hingga kini tak berselesaian. Itulah risiko terpaksa ditanggung.



~GAGASAN BANGI~  
Himpunan penyertaan Pertandingan  
Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar  
Ilmu 2012




Dari segi kediaman, ada tenaga pengajar dan kakitangan UKM yang sudah bertapak di sekitar PJ dan sebagainya. Jadi ada di kalangan mereka sanggup berulang-alik bila kampus Bangi dibuka, tetapi ramai daripada mereka, oleh kerana jauh dan tak larat berulang mencari kediaman tidak jauh dari UKM, walaupun terpaksa membeli rumah kedua. Untuk lebih selamat daripada membeli tanah yang entah bila boleh dirikan rumah, maka lebih selamat dibeli rumah dari syarikat-syarikat pemaju yang mengambil kesempatan dari tenaga-tenaga UKM bakal berpindah mendirikan rumah. Pada permulaan menjelang perpindahan tenaga dan pekerja UKM ada dua syarikat perumahan besar yang memajukan pembinaan perumahan, iaitu PKNS yang sengaja mendirikan Pejabat Pembangunan Bangi di Taman Mesra, Kajang – pihak pentadbir UKM berurus dengan PKNS terlebih dahulu dan sebuah Syarikat lagi ialah Metro Kajang yang antara pengasasnya Dato' Lim Kim Sai . Bekas Menteri Kabinet. PKNS menumpukan pembinaan rumah di Bangi, manakala Metro Kajang membina rumah seperti di Bukit Mewah dan Bukit Kajang. Kebanyakan kakitangan UKM memilih perumahan yang dibeli dari dua syarikat berkenaan, di samping ada syarikat-syarikat kecil lain. Tetapi pada peringkat permulaan kawasan perumahan Bangi kurang mendapat tarikan, kerana kawasan dianggap dalam hutan dan agak jauh dari kemudahan. Kawasan ini dianggap rendah standard dan pembeli-pembelinanya dari kelas rendah dan rumah-rumah yang ditawarkan pada peringkat permulaan 200 buah, harganya memang rendah. Rumah teres setingkat type B (dua bilik) RM17,000, type A tiga bilik RM20,000, rumah teres dua tingkat sekitar RM37,000 dan rumah semi D RM70,000. Sesiapa yang mau memiliki bungalow boleh beli tanah PKNS di bukit-bukit Bangi sehingga antara RM1.50 hingga RM2,00 sekaki persegi yang pada peringkat permulaan, jarang yang mau beli kerana dianggap mahal. Pada peringkat permulaan pihak universiti dan PKNS terpaksa mengadakan kerjasama kempen mengedarkan maklumat kepada tenaga pengajar dan pegawai UKM, termasuk yang belajar di luar Negara menawarkan rumah untuk dibeli. Tempat yang dianggap standard dan dikira orang kelas atas, lebih suka beli rumah sekitar Kajang (Bukit Mewah dan Bukit Kajang) yang antaranya dibina oleh Metro Kajang yang harganya dianggap lebih standard. Rumah teres dua tingkat sekitar RM50,000, manakala rumah bungalow dalam lingkungan RM100,000. Jadi ramai tenaga pengajar dan pekerja UKM membeli rumah sekitar Kajang yang dianggap lebih berstatus, manakala kelas dianggap rendah membeli rumah di Bangi (Bandar Baru Bangi) yang amat kurang dari berbagai kemudahan pada peringkat permulaan. Tiada kedai, tiada surau dan masjid, tiada Sekolah dan tiada sebarang pejabat. Pada peringkat permulaan untuk ke UKM terpaksa melalui Teras Jernang dengan meretas jambatan kayu dan membelok ke kiri ke UKM. Belum ada jambatan berhadapan UKM yang ada kini. Untuk ke Kajang dari Bandar Baru Bangi terpaksa melalui jalan tanah merah tidak bertar antara kebun getah dan kelapa sawit melalui jambatan kayu yang uzur, masuk ke West Country dan membelok ke kiri ke Kajang atau ke kanan ke UKM.


Perlu diingat pada masa Bangi mula dibuka belum timbul cadangan membangun KLIA dan Putrajaya. Kajang ialah pekan utama bagi mendapat segala keperluan harian. Jalan Kajang-Cheras, jalan dua hala dan sempit adalah penghubung utama ke Kuala Lumpur, manakala untuk ke Seremban adalah dengan menggunakan jalan lama Kajang – Mantin – Seremban.




Walau bagaimana pembukaan Bangi – Bandar Baru Bangi, khususnya UKM banyak menggamit kemajuan. Koridor selatan Selangor yang agak ketinggalan bakal menghadapi kemajuan dan pembangunan besar-besaran.




~BANGI BANDAR ILMU~



~MADU ILMU~



~WAJAH DIRI~



Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:31 AM](#)

**No comments:**

**Post a Comment**

Enter your comment...

---


 Comment as: Syahrul Sazli S

Newer Post

[Home](#)

Older Post

Subscribe to: Post Comments (Atom)



~PERADABAN MELAYU~



~PENGAJIAN DI MASJID AL-UMM: CADANGAN~



~DIMENSI TASAWUF~